

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	14 OCTOBER 2016

## 2017 Tahun Ekonomi Internet Malaysia – PM

UM - 14/10/2016

**PUTRAJAYA 13 Okt.** - Datuk Seri Najib Tun Razak menggariskan lima pemangkin strategik bagi menjadikan 2017 sebagai Tahun Ekonomi Internet untuk Malaysia.

Perdana Menteri berkata, lima pemangkin untuk agenda berkenaan adalah mikrokosma fizikal, pembiayaan modal berisiko, perhubungan, pembangunan bakat dan rangka kerja kawal selia.

Kata beliau, Hab Digital Malaysia juga akan diwujudkan untuk menyokong mikrokosma fizikal iaitu satu kluster bagi ekonomi internet yang terdiri daripada syarikat-syarikat berbentuk 'start-up', 'scale-up' dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

"Saya tiada keraguan bahawa revolusi industri keempat ini adalah pemangkin bagi membawa

Malaysia lebih hampir menjadi negara berpendapatan tinggi," katanya dalam ucapan penutup Mesyuarat Majlis Pelaksana Koridor Raya Multimedia (MSC) ke-28 di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Turut hadir, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak dan timbalannya, Datuk Jailani Johari (kiri).

Dalam majlis tersebut, Perdana Menteri turut menyempurnakan pelancaran Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang Kebangsaan yang bermatlamat meningkatkan pertumbuhan e-dagang dalam negara daripada 10.8 peratus ketika ini kepada 20.8 peratus menjelang 2020.

Mengulas mengenai mesyuarat yang diadakan hari ini, Najib berkata, beliau amat berpuas

hati dengan peranan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dalam menarik pelaburan berjumlah RM304 bilion kepada MSC Malaysia dan mencipta sebanyak 160,000 pekerjaan.

"Hasil komitmen MDEC, ekonomi digital Malaysia telah menyumbang sebanyak 17.8 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNKK), hampir mencapai sasaran 18.2 peratus yang kita telah tetapkan untuk 2020," katanya.

Jelas Najib, bagi menjadikan ekonomi internet negara lebih berdaya saing, satu kategori baharu pekerja asing MSC akan diperkenalkan iaitu Usahawan Berpengetahuan Teknologi Asing (FKE) untuk menarik kehadiran usahawan-usahawan bertaraf global.